

Headline	Peningkatan kes jangkitan HIV di Sarawak membimbangkan		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	28 Oct 2016	Color	Black/white
Section	News	Circulation	45,554
Page No	35	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	182 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 590
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,770



Peningkatan kes jangkitan HIV di Sarawak membimbangkan

KUCHING: Kes jangkitan HIV (Human immunodeficiency virus) di Sarawak menunjukkan peningkatan membimbangkan iaitu 230 kes baharu dilaporkan tahun lalu berbanding 169 pada 2011.

Pengarah Eksekutif Yayasan AIDS Malaysia (YAM) Jasmin Jalil berkata walaupun kadar jangkitan HIV di Sarawak rendah berbanding di peringkat kebangsaan, ia menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun.

Katanya berdasarkan statistik dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 2015, kadar jangkitan HIV di Sarawak ialah 8.7 bagi setiap 100,000 penduduk berbanding 10.9 di peringkat kebangsaan.

“Walaupun kadar jangkitan di Sarawak lebih rendah berbanding di peringkat kebangsaan iaitu 10.9 bagi setiap 100,000 penduduk, kadar jangkitan di negeri ini menunjukkan peningkatan dengan 230 kes baharu

dilaporkan tahun lalu,” katanya.

Menurut beliau jangkitan HIV di Sarawak lebih banyak disebabkan transmisi seksual berbanding di Semenanjung Malaysia yang punca utama jangkitannya ialah penggunaan dadah suntikan.

Pada 2014 katanya, transmisi seksual menyumbang 97.8 peratus kes HIV di negeri ini.

“Sarawak melaporkan kes HIV pertama pada 1989. Dua puluh enam tahun kemudian, pada Disember 2015 Sarawak merekodkan jumlah kumulatif 2,178 kes jangkitan HIV, 1,339 kes AIDS dan 480 kematian berkaitan HIV/AIDS,” katanya.

Manakala jumlah orang yang hidup dengan HIV (PLHIV) di negeri ini katanya, setakat Disember 2015 ialah 1,698 kes.

Melihat gambaran lebih luas, Jasmin berkata dari 1986 hingga 2015 jumlah kumulatif kes jangkitan HIV di seluruh negara ialah

108,519, AIDS 22,495, kematian berkaitan AIDS pula 17,916 dan PLHIV 90,603 kes.

“Melihat peningkatan kes dari tahun ke tahun di Sarawak khususnya, YAM bersama kerajaan negeri dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan mahu mewujudkan pusat penjagaan kesihatan sehenti untuk pesakit HIV/AIDS di negeri ini.

“Pusat ini bukan sahaja menyediakan rumah penginapan kepada pesakit dari luar Kuching mendapatkan rawatan di Hospital Umum Sarawak tetapi pelbagai kemudahan serta latihan bagi memperkasakan pesakit atau PLHIV dalam pelbagai bidang,” katanya.

Tambahnya masih ramai orang yang hidup dengan HIV atau menghidap AIDS kurang berkeyakinan dan takut berhadapan khalayak ramai kerana wujudnya stigma menebal dalam kalangan masyarakat mengenai penyakit tersebut.